

22 APR 1998

Ling-Mas

PENYUSUNAN SEMULA MAS PERLU KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Sebarang cadangan ataupun program menyusun semula syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) perlu dibentangkan kepada lembaga pengarah syarikat itu terlebih dahulu, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Selepas lembaga pengarah menyatakan persetujuannya, cadangan itu akan dirujuk kepada pemegang saham penentu untuk mendapatkan kelulusannya, kata beliau.

Pemegang saham penentu dalam hal ini ialah Perbendaharaan yang memegang saham majoriti melalui Menteri Kewangan Diperbadankan.

"Ia mesti mendapat kelulusan daripada pemegang saham penentu yang mempunyai kuasa sama ada untuk menerima atau menolak cadangan itu. Ini bagi menjaga kepentingan pemilik-pemilik saham," kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini.

"Ini merupakan antara langkah yang perlu diambil oleh MAS selain Suruhanjaya Sekuriti mengkaji penyusunan semula ekuiti," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan sebuah majalah perniagaan asing mengenai penyusunan semula MAS. Laporan itu menyatakan bahawa di bawah program penyusunan semula itu, Pengerusi MAS Tan Sri Tajuddin Ramli bercadang menjual kapalterbang-kapalterbang milik MAS kepada sebuah syarikat baru yang akan dikenali sebagai MAS Capital, yang dimiliki oleh beliau.

Cadangan penyusunan semula itu dipercayai akan membolehkan Tajuddin mendapat sumber kewangan yang akan digunakan untuk menyelesaikan hutang peribadinya berjumlah RM800 juta.

Tajuddin memegang 52 peratus ekuiti dalam Malaysian Helicopter Services Bhd (MHS), yang sebaliknya memegang 32 peratus saham dalam MAS. Beliau merupakan orang pertama dalam dunia korporat tempatan untuk menerima kemudahan pinjaman berjumlah RM1.792 bilion, pada Julai 1994, iaitu yang terbesar pernah diberikan kepada seorang individu di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lepas berkata yang kerajaan tidak akan menghalang syarikat penerbangan itu daripada menjalankan penyusunan semula kerana bukan salah untuk berbuat demikian.

-- BERNAMA

ARA PR